

# PROSES REVOLUSI ISLAM

*(Syarahan ini disampaikan oleh beliau di Universiti Islam  
Aligarh, India,  
pada 12hb. September, 1940M.)*

Saudara-saudara!

Dalam ceramah ini saya akan terangkan proses kemunculan Negara Islam sebagai satu natijah tabii(nature). Sekarang ini rangkai kata "Negara Islam" sudah tidak asing lagi dan banyak disebut-sebut dan terlalu ingin dicapai, tetapi mereka tidak mengetahui cara untuk mewujudkannya hinggakan banyak kaedah-kaedah pelik disarankan di mana kesemuanya mustahil untuk tercapai sama seperti kegagalan kita untuk ke Amerika dengan motokar. Pemikiran yang berkecamuk itu disebabkan oleh politik dan sejarah yang menimbulkan satu ideal (keunggulan) yang boleh dinamakan sebagai "Negara Islam". Tetapi belum ada lagi daya-usaha untuk mendefinisikan secara saintifik keadaan negara ini atau mempelajari proses evolusinya. Dalam keadaan ini, sangat mustahak diselidiki masalah ini secara saintifik.

### **EVOLUSI SEMULA JADI SISTEM NEGARA.**

Dalam perjumpaan para cendekiawan ini, saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk menerangkan bahawa sesebuah negara (dalam bentuk apa sekalipun) tidak muncul secara artifisial; bukan seperti barang buatan yang disiapkan di suatu tempat dan dihantar ke tempat tertentu mengikut kehendak hati manusia. Tetapi ia adalah hasil sampingan asli permainan antara faktor-faktor, saikologi, kebudayaan akhlak dan sejarah yang sedia ujud di sesuatu tempat. Sebelum ia muncul dari tekanan-tekanan kejadian, sesuatu keperluan awal mesti dipenuhi, sesuatu daya tertentu tercipta dan sebahagian keperluan tabii dipuaskan.

Seperti dalam logik keputusan deduktif selalu diikuti dengan pengaturan dasar-dasar; dalam kimia sebatian didapati dari campuran dan tidak dapat disangkal lagi dalam sosiologi, sesebuah negara adalah hasil tabii keadaan-keadaan yang sudah wujud di dalam sesuatu masyarakat tertentu. Sekali lagi, sifat negara ditetapkan secara keseluruhannya oleh sifat keadaan-keadaan yang menyebabkan kelahiran dan penubuhannya. Juga tidak mungkin dasar-dasar itu cuma satu jenis sahaja dan susunan mereka mungkin membawa keputusan yang berbeza. Unsur dalam bahan-bahan kimia mungkin sama tetapi bila dicampur kita akan dapati sebatian yang berlainan jenis; benih memelam mungkin menjadi mangga; begitu juga kemungkinan keadaan-keadaan wujud menggalakkan perkembangan sesuatu jenis negara dan telatah interaksi bersama mereka mungkin juga sesuai bagi perkembangan negara yang serupa, tetapi selepas melalui beberapa peringkat evolusi, muncullah negara yang sangat berbeza dan operasi tenaga tertentu yang menghendakkan sesuatu bentuk negara akan melahirkan sebuah negara yang termasuk ke dalam kategori lain sama-sekali.

Diharap janganlah memikirkan saya membawa doktrin determinisms di sini dan menyangkal kebebasan kehendak manusia.

Kemahuan dan tindak-tanduk orang-orang perseorangan dan masyarakat memainkan peranan yang amat penting dan tidak dapat disangkal lagi di dalam menentukan aliran sesuatu negara. Bagaimana bentuk sistem yang dikehendaki untuk menciptanya? Oleh yang demikian mustahaklah diambil dan dipilih cara yang sesuai dengan corak dan semangat sistem pilihan, dan turutlah jalan aksi yang sesuai ke arah itu. Adalah mustahak bagi sesuatu bentuk pergerakan berkembang dan diserap oleh semangat yang sama; satu aliran watak penduduk terbanyak diacukan; akhlak masyarakat yang sama dikembangkan; buruh yang serupa dilatih dan kepimpinan yang serupa patut dilahirkan; dan tindakan bersama yang berpaut kepada aliran sesuatu sistem negara yang diingini kelahirannya.

Apabila semua ini berjaya dikendalikan dan tenaga-tenaga yang diperlukan serta faktor-faktor yang sesuai, diteruskan operasi bagi suatu jangka masa yang cukup dan keputusan operasi itu, mereka telah melawan pengaruh-pengaruh luar yang bertentangan dengan semangat, justeru lahirlah, dari urutan peristiwa-peristiwa, sejenis aliran tenaga-tenaga yang kuat. Ini sama juga dengan anak benih yang telah cambah menyambung hidup dengan daya sendiri dan lepas itu akan membesar dan berbuah sesuai

dengan bentuk semulajadi. Jika anda timbangkan fakta ini, anda akan mendapatinya, bila sesuatu jenis aliran pergerakan, kepimpinan, watak terbanyak dan akhlak masyarakat telah muncul dengan bentuk yang sesuai dengan bentuk tetap sistem negara. Akan tetapi digembirakan harapan, lanjutan dari itu, satu sistem negara yang berbeza sama-sekali akan diciptakan. Ini cuma sesuatu keinginan yang dimimpikan.

### **NEGARA BERIDEOLOGI**

Sekarang kita mesti timbangkan apakah bentuk negara yang dipanggil "Negara Islam". Bersangkutan dengan ini, saya akan tunjukkan tanda paling nyata negara Islam ialah kebebasan keseluruhannya dari apa bentuk dan pengaruh nasionalisme, secara langsung atau tidak langsung. Ia adalah sebuah negara yang didirikan dengan pengecualian prinsip-prinsip. Saya akan panggil negara ideologi. Sebuah negara yang mempunyai asas dan prinsip-prinsip moral tertentu dan bebas dari semua idea kebangsaan atau ras telah dikenali dunia cuma sekali saja dan kebaikan-kebaikannya tidak dimuliakan hingga ke hari ini.

Dalam zaman purba manusia cuma mengetahui pemerintahan oleh keluarga atau kelas. Lepas itu mereka mengalami pemerintahan bercorak ras dan kebangsaan. Tetapi idea sebuah negara diselenggarakan atas prinsip-prinsip tertentu dan diperintah oleh sekumpulan orang yang terdiri dari berbilang kaum yang menerima prinsip-prinsip itu sebagai asas hidup mereka -sosial, ekonomi, politik- penerimaan prinsip-prinsip sebegitu: menjadi hak mutlak untuk dapat bersuara dalam pemerintahan, ini tidak pernah terlintas di fikiran manusia. Kristian pun mengandungi satu pengamatan yang samar-samar tentang kebenaran ini tetapi ia tidak dapat menumbuhkan satu sistem idea-idea yang cukup sebagai asas bagi penubuhan negara serupa itu.

Dalam revolusi Perancis, kita dapati sejenak idea penubuhan sebuah negara yang berasaskan prinsip-prinsip, tetapi ia segera lenyap dalam kegelapan nasionalisme. Komunisma memang dengan giat mengajar hal ini dan telah cuba mendirikan sebuah negara dengan asas ini supaya dunia meminati percubaan-percubaan Rusia ini. Tetapi semangat liar nasionalisme telah menguasai negara Komunis dan mencucukkan racunnya hingga ke akar-akarya sekali. Dari dahulu hingga sekarang cuma sistem Islam saja di dunia ini, yang menyusun negara mengikut asas ideologi, yang bebas dari segala bentuk nasionalisma dan mengundang manusia membentuk negara tidak berkebangsaan dengan menerima asas-asas ideologinya. Oleh kerana perkara ini baru dan dunia keliling sedang bergerak ke arah yang bertentangan, bukan sahaja orang-orang bukan Islam, tetapi orang-orang Islam sendiri pun tidak dapat menyedari sepenuh implikasinya. Idea ini terkeluar langsung dari pencapaian orang-orang Islam yang lahirnya Islam, tetapi mendapat pendidikan dan latihan-latihan Barat, yang mempunyai pandangan hidup dan sejarah yang dipinjamkan dari sejarah dan politik Barat. Akibatnya ternyata di negara kita di mana orang-orang Islam lebih ramai dan merdeka, tetapi umat manusia jenis ini terus mengendalikan kerajaan. Mereka tidak nampak bentuk pemerintahan atau sistem negara yang lain kecuali pemerintahan nasional dan negara nasional. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan Islam dan tasawwur Islam terhadap masalah hidup dan tidak mempunyai konsep sebuah negara yang diasaskan dari kumpulan moral-moral tertentu dan prinsip kerohanian, bukan prinsip ras atau kebangsaan.

Di rantau ini terdapat juga orang-orang yang mendapat latihan-latihan mental yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang sama. Mereka inginkan sebuah negara Islam, tetapi oleh kerana latihan-latihan mental yang ganjil dan berlatar-belakangkan sejarah politik Barat, mereka tidak mempunyai rancangan hidup yang lain selain dari kehidupan dan sejarah kebangsaan negara-negara di Eropah. Secara sedar atau tidak, mereka telah menjadi mangsa ideologi nasionalis; dan apa-apa rancangan yang difikirkan semuanya bercorak nasionalisma. Mengikut mereka bentuk masalah yang dihadapi kita ialah: Orang-orang Islam adalah satu kumpulan "nasionalis" yang berasingan seperti Hindu, Inggeris

dan Perancis dan mereka mempunyai kebebasan untuk tegak sendiri di bawah negara dan pemerintahan sendiri. Walau bagaimana sekalipun mereka memeras otak, mereka tidak dapat memikirkan jalan lain bagi mencapai objektif ini kecuali sebagai sebuah negara, orang-orang Islam patut mengikut qaa'idah-da'idah dan strategi yang sama seperti kumpulan negara-negara nasionalis lain di dalam sejarah.

Dalam lain perkataan, unsur-unsur nasional mesti dipeterikan terlebih dahulu; semangat kebangsaan yang kuat mesti dicurahkan; mereka mesti dipimpin oleh pihak berkuasa pusat; mereka mesti merancang pengawal kebangsaan sendiri; mereka patut memiliki tentera kebangsaan; bila mereka sudah menjadi majoriti, mereka patut membentuk sebuah negara demokrasi atas dasar pemerintahan golongan majoriti; di mana mereka merupakan kaum minoriti, hak-hak asasi mereka sebagai kaum-kaum minoriti di negara-negara lain yang meminta perlindungan sedemikian rupa: dalam perkhidmatan, yayasan pendidikan dan badan-badan berkanun mereka diwakilkan dengan betul, wakil-wakil mereka mesti dipilih oleh mereka sendiri, dan mereka patut diberi bahagian di dalam kementerian-kementerian.

Demikianlah idea-idea dan qaidah-qaidah mereka. Jelas semuanya dipinjam dari konsep sistem negara Barat dan mereka yang mengambil cara dan strategi di atas bercakap dalam nada Barat, tentang resolusi pembentukan negara Islam. Mereka ini juga menggunakan istilah-istilah Islam seperti: 'Ummah', 'Agama', 'Sultan', dan tunduk kepada Sultan, yang mana maknanya dalam istilah-istilah Islam berbeza dari apa yang difikiran oleh mereka, apabila mereka menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Bagi mereka bagaimanapun, perkataan-perkataan Islam ini seperti dengan istilah nasionalisma, dan nasib baik pula, perkataan-perkataan itu sedia ada dalam kesusteraan Islam dan sekarang dipergunakan secara bebas sebagai pakaian idea-idea bukan Islam dalam aada-nada yang diperolehi dari Barat.

Jika anda memahami corak sesebuah negara Islam yang berasaskan prinsip-prinsip kerohanian dan akhlak, dengan senang anda akan menyedari tentang sikap pemikiran dan tindakan serta rancangan kerja tersebut tidak dapat dijadikan tapak permulaan ke arah cita-cita negara berideologi. Kita tinggalkan soalan penggunaannya dalam peringkat akhir pergerakan itu. Juga idea-idea dan tindakan serupa itu kelihatan mudarat kepada perkembangan dan evolusi sesebuah negara yang akan diasaskan di atas prinsip-prinsip bukan kebangsaan.

Asas awal negara berideologi ialah kita menolak semua soalan tentang kaum, klas dan bangsa dan melihat manusia sebagai makhluk berakhlak dan kerohanian. Bukan bangsa yang kita perihalkan tetapi sifat-sifat kemanusiaan mereka. Kita hadapkan kepada mereka prinsip-prinsip tertentu untuk tindakan dan satu kumpulan kepercayaan di mana mereka perolehi dan dapat mendakwa prinsip-prinsip itu meletakkan asas kebudayaan sejagat dan sistem negara-bukan-nasional yang akan membimbing manusia ke arah keamanan sejati di di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang menerima prinsip-ini berhak mendapat hak-hak yang sama di dalam menyelenggarakan sistem negara yang diserahkan ke atas mereka.

Bagaimana mungkin seseorang yang kebanyakan aktivitiyanya berbau nasionalisma datang ke depan dengan ideal Islam itu? Bagaimana mungkin dia meminta dari kemanusiaan dan sentimen moral manusia bila dia sendiri menodai kedudukannya dengan berkerjasama dengan kebaikan sesebuah negara atau sesuatu masyarakat? Adakah wajar bagi memohon dalam nama kemanusiaan dan kebajikan biasa manusia kepada orang-orang yang dikelabui oleh prasangka nasional dan berperang sama sendiri di atas nama nasionalisma dan negara kebangsaan, dan dalam nada yang sama menuntut kebebasan nasional dan kebebasan menentukan nasib orang-orang Islam kita? Adakah dapat diterima aqal bahawa sesuatu pergerakan untuk menasihati orang dari pendakwaan mengadu ke mahkamah undang-undang?

### **KHALIFAH AL-RASYIDIN**

Satu perkara terkemuka di dalam negara Islam iaitu konsep asas yang menjadikan dasar luar manifestasi ialah kedaulatan suci. Teori asasnya ialah dunia dan segala yang ada di dalamnya, dimiliki oleh Allah Yang Maha-Kuasa dan Dia saja mempunyai kedaulatan. Tidak ada orang perseorangan, famili, klas atau negara atau semua manusia boleh menuntut kedaulatan sedikit ataupun banyak. Allah sahaja mempunyai kuasa undang-undang dan rhemberi perintah.

Negara, mengikut Islam, tidak lebih dari kombinasi manusia berkejasama sebagai hamba Allah untuk menjalankan kehendakNya dan tujuanNya. Ini boleh berlaku dalam dua cara: sebahagian mereka patut menerima undang-undang negara dan perlembagaan asas secara terus dari Allah atau dia patut mengikut bimbingan orang yang menerima undang-undang dan perlembagaan serupa itu. Dalam pejalanan negara, peserta-peserta terdiri dari mereka yang mempercayai undang-undang ini dan bersedia mengikutinya. Mereka akan berkerja dengan perasaan penuh tanggungjawab secara orang perseorangan dan (Jamaah) kepada Allah, bukan kepada pengundi, raja atau diktator.

Mereka akan bergerak atas kepercayaan bahawa Allah mengetahui segala-galanya sama ada nyata atau terselindung; mereka tidak ada harapan melepaskan diri dari kekuasaanNya walaupun selepas mati. Tanggungjawab memerintah negara yang diamanahkan kepada manusia bukan untuk menguatkuasakan undang-undang mereka sendiri atau mengenakan kehendak mereka sendiri ke atas orang lain, memperhambakan mereka sendiri ke atas orang lain, memperhambakan mereka dari bangsa lain, memerintah mereka supaya tunduk dan memperhambakan diri, membolehkan mereka membina istana-istana besar dengan menindas rakyat yang lemah dan tertindas (mustadh'afin), pendeknya, semata-mata untuk mengejar kemuliaan diri sendiri.

Di suatu pehak yang lain mereka yang mengemudikan negara patut mempunyai perasaan bahawa beban yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka ialah, mereka patut menguatkuasakan undang-undang Tuhan, patut merasa bahawa jika melakukan walaupun kesalahan yang kecil dalam mengikut dan menguatkuasakan undang-undang itu ataupun berkesalahan yang kecil seperti tamak sebesar biji padi, prasangka, tidak jujur sedikit saja, mereka akan disoal di hadapan Allah pada hari Hisab (Day of Judgement), walaupun mereka terlepas dari seksaan di dunia.

Struktur besar kelakuan masyarakat dan aksi politik Islam yang diwujudkan atas asas teori ini sangatlah berbeza dengan negara lama dari segi detail dan percabangannya. Di antara kedua bentuk kehidupan sosial dan politik tidak ada yang sama, sama ada dalam unsur-unsur yang menjadi kesatuan atau dalam semangat dan sikap yang merupakan dasar mereka. Sistem negara yang berasaskan kepercayaan kepada kedaulatan Allah dan perasaan tanggungjawab kepadaNya memerlukan sejenis tindakan secara jama'ah, atau perseorangan dan sikap mental yang tersendiri untuk menjamin kejayaannya. Tentera Islam, polis Islam, mahkamah undang-undang Islam, sistem pendapatannya (revenue system), cukai, pemerintahan dan dasar luas, pimpinan mesa perang dan amen -- semuanya berbeza dengan pemerintahan sekular.

Hakim biasa dan hakim besar dari mahkamah sekular tidak layak menjadi kerani atau peon dalam sistem kehakiman negara Islam itu. Seorang Inspektor-General polis dalam negara sekular tidak layak untuk menyandang sebagai polis biasa di sini; General dan Field Marshals tidak layak diambil sebagai askar biasa. Menteri luar negara sekular tidak layak untuk sebarang kerja di dalam sistem negara Islam, mereka pastilah tidak dapat dielakkan dari dipenjarakan atas kesalahan kerana dusta, menipu dan tidak amanah.

Pendeknya, semua orang yang telah dilatih untuk bertugas dalam negara sekular dan latihan moral dan jiwa yang dipadankan kepada semangat yang diserap dan segala aktiviti negara sekular adalah tidak layak untuk sebuah negara Islam, yang memerlukan manusia yang sangat berbeza sebagai rakyat, pemilih, penasihat, jawatan-kuasa, hakim-hakim, majistrit, ketua-ketua jabatan, panglima-panglima perang, duta-duta dan menteri-menteri -- secara ringkas, untuk semua lapangan masyarakat dan dalam jentera pemerintahannya.

Ia memerlukan manusia yang takut kepada Allah; bertanggungjawab kepada Allah; mementingkan akhirat dari dunia; memandang berat tentang ketinggian dan kerosakan akhlak lebih dari yang lain; mengikuti di dalam semua lapangan aliran tingkah-laku dan garisan untuk bertindak yang telah sedia dirumuskan; semua perjuangan dan daya tenaganya diarahkan untuk mendapat keredaan Allah; mereka tidak dipengaruhi oleh motif nasional ataupun orang perseorangan; mereka bukan hamba bakhil dan kuat nafsu; mereka bebas dari berfikiran sempit dan prasangka; tidak boleh dibeli dengan wang, wanita jelita dan kekuasaan; mereka tidak gila pangkat dan kekayaan; mereka mempunyai kekuatan peribadi yang dapat menolak semua godaan walaupun diletakkan semua isi bumi dan semua kekayaan dunia di bawah telunjuknya tanpa pemeriksaan orang lain; tidak tidur malam bila mereka diamanahkan pemerintahan negara untuk menghilangkan segala ketakutan penduduknya tentang nyawa, harta benda dan kehormatan mereka; mereka sekalian para (tentera mujahidin Islam) yang menakluk sesebuah wilayah bukan Islam telah membuang segala kebimbangan rakyat yang ditakluki di atas harta, kehormatan dan kekejaman pemerintahannya.

Di pehak rakyat yang ditakluki pula, mereka mendapati suatu aliran bimbingan hidup dan keselamatan harta dan kehormatan yang diberi kepada kaum wanita dari tiap-tiap askar mujahidin Islam yang datang; nama mereka begitu harum dalam arena politik antarabangsa sehingga seluruh dunia boleh bergantung kepada mereka kerana kejujuran mereka, mencintai keadilan, menurut prinsip-prinsip akhlak, dan memenuhi janji dan tanggungjawabnya.

Sesebuah Negara Islam cuma dapat dibentuk melalui orang-orang tersebut dan orang-orang yang berbudi pekerti demikian jua yang dapat melaksanakannya. Manusia-manusia yang memiliki mentaliti kebendaan dan utilitarian, yang selalu datang dengan prinsip-prinsip baru dengan penegasan kepada manfa'at perseorangan atau negara; tidak mempercayai Allah dan Hari Kemudian; polisi mereka berputar di atas keuntungan dan kerugian dunia, adalah terlalu tidak sesuai untuk mengujud atau memerintah negara Islam tersebut dan menjadi ancaman kepada kestabilannya. Kemunculan mereka dalam negara itu adalah sebagai suatu cabaran kepada prinsip-prinsip yang didakwanya.

### **QA'IDAH REVOLUSI ISLAM**

Dengan berpandukan kepada gagasan negara Islam yang telah dibincangkan di atas, marilah kita pertimbangkan qa'idah untuk mewujudkannya. Seperti yang telah diterangkan pada permulaan lagi, keadaan ideologi, akhlak dan kebudayaan yang ujud dalam sesuatu masyarakat itu adalah menjadi ukuran bentuk negara yang sesuai kepada mereka.

Tidak mungkin seponon pokok mempelam yang dari kecil hingga besar sebagai mempelam akan membuahkan mangga. Sesebuah negara Islam tidak akan wujud dengan tiba-tiba seperti mu'jizat (miracle); ia mesti dilahirkan melalui satu pergerakan permulaan yang berasaskan pandangan hidup, ideal, taraf akhlak, dan sifat-sifat serta semangat yang selaras dengan Islam. Pernimpin-pemimpin dan pekerja-pekerjanya mestilah dari orang-orang yang layak dari ukuran saikologi dan spiritual untuk dibentuk kepelda sifat tertentu.

Tanpa penat-lelah, mereka mesti membentuk sikap mental dan sikap semangat akhlak yang sama kepada rakyat dan di atas asas kecenderungan akhlak dan intelek yang dibentuk, mereka mesti membina satu sistem pendidikan untuk melatih dan menggemburkan rakyat jelata ke corak kehidupan

Islam. Sistem ini akan mengeluarkan saintis-saintis Islam, ahli falsafah Islam, ahli sejarah Islam, ahli ekonomi dan pakar kewangan Islam, juri dan politikus Islam pendeknya, di setiap bidang mesti ada orang-orang yang berideologi Islam dan telah betul-betul bersemangat, orang-orang yang berkebolehan membina satu sistem yang lengkap berkenaan cita-cita dan kehidupan praktik yang diasaskan atas prinsip-prinsip Islam dan mempunyai cukup tenaga untuk menentang pemimpin-pemimpin intelek dari golongan ahli-ahli fikir dan saintis-saintis yang tidak mempercayai Tuhan.

Dengan berlatar-belakangkan intelek, pergerakan itu mesti mengambil tempat menentang sistem yang salah di sekeliling kita di dalam dunia luas. Dalam perjuangan ini para penyuluh jalan mesti menunjukkan bukti kekuatan akhlaqnya dan kejujuran dengan menghadapi kecemasan, bahaya dan dengan mengorbankan harta dan nyawa. Mereka mesti melalui setiap dugaan dan muncul sebagai emas tulin yang setiap kali diuji tidak mengandungi bahan lain. Di masa perjuangan, mereka mesti menjadi tauladan baik dari kata-kata maupun perbuatan mengikut ideologi yang dituruti. Ia mesti ternyata kepada semua yang mendampinginya bahawa negara berideologi yang tidak pentingkan diri sendiri, jujur, takut kepada Allah, menjamin dunia kepada keselamatan dan keamanan sejagat.

Menerusi perjuangan sedemikian, semua unsur-unsur dalam masyarakat yang belum mempunyai kebenaran dan keadilan akan tertarik kepada pergerakan itu. Pengaruh dari mereka yang rendah mentaliti dan melalui tipu-helah akan dihilangkan oleh pergerakan serupa ini. Satu revolusi mental akan melaungkan satu sistem negara serupa ini, hingga suatu masa tidak dapat ditukarkan lagi ke suatu sistem lain. Akhirnya akibat yang tidak dapat dielakkan dan secara natural, sistem negara serupa ini ditubuhkan mengikut asas dan lunas yang tersedia dan selepas sahaja sistem ini ditubuhkan, jawatankuasa dari peringkat tinggi di setiap pangkal dan peringkat untuk menjalankan sistem pendidikan dan latihan yang saya telah sebutkan di atas.

Saudara-saudara,

Inilah qa'idah asli untuk melahirkan revolusi itu dan mengatur sistem negara yang dipanggil Revolusi Islam dan negara Islam. Saudara semua orang terpelajar dan sejarah revolusi dunia sudah saudara maklumi. Saudara insaf bahawa sesuatu revolusi tertentu berkehendakkan satu jenis pergerakan, satu jenis pemimpin dan pekeja, dan suasana akhlaqnya.

Revolusi Perancis maukan satu jenis moral dan asas mental yang disediakan oleh pemimpin-pemimpin seperti Rousseau, Voltaire dan Montesqueu. Revolusi Russia dijayakan oleh idea-idea Marx, pimpinan Lenin dan Trotsky dan ribuan pekerja yang dijiwai dengan komunis. Nasional Sosialism Jerman dapat berakar di dalam moral, saikologikal dan kebudayaan yang telah dicipta oleh ahli-ahli teori seperti Hegel, Fichte, Goethe, Neizsche dan orang-orang lain termasuk Hitler. Begitu juga Revolusi Islam cuma boleh diwujudkan apabila pergerakan beramai-ramai (Jama-a'ah) diusahakan pembentukannya mengikut teori dan konsep al-Quran dan contoh tauladan Nabi Muhammad (s.a.w.) yang mana dengan perjuangan kuat, akan mengubah intelek, akhaq dan saikologikal dan asas kebudayaan masyarakatnya.

Adalah terkeluar dari fahaman saya bagaimana sesuatu pergerakan bersifat kebangsaan dan berlatar-belakangkan pendidikan tidak sempurna seperti terlazim di kalangan kita, yang berasaskan Utilitarian, tanpa nilai moral dan opportunis, boleh membawa ke arah Revolusi Islam. Saya tidak percaya kepada miracle (mu'jizat) yang dipercayai oleh Mr. Reynand (seorang Perdana Menteri Perancis di masa perang menyatakan di dalam suatu siaran radio beberapa hari sebelum kekalahan Perancis di dalam perang dunia ke I melawan nazi Jerman: "Bahawa miracle (mu'jizat) saja yang boleh menyelamatkan Perancis dan saya percaya kepada miracle.") bekas Perdana Menteri Perancis. Saya percaya cara yang digunakan untuk mendapat sesuatu kesimpulan akan memberi kesan kepada keputusan yang dilahirkan.

### **PEMIKIRAN LONGGAR (Loose Thinking)**

Terdapat suatu pertelingkahan pendapat di kalangan kita, bahawa jika orang-orang Islam diselenggarakan secukupnya dan diperkembangkan perpaduan di antara mereka, itu adalah penawar bagi segala penyakit. Adalah difikirkan, untuk mencapai cita-cita negara Islam atau "Islam bebas dalam negara Islam bebas" hanya menerusi satu jalan sahaja iaitu dengan menyatukan semua orang perseorangan dari negara-negara Islam dan wujudkan satu organisasi pusat yang bertanggungjawab kepada pucuk pimpinan pusat.

Sesungguhnya qa'idah di atas adalah program nasionalis. Qa'idah ini digunakan oleh negara-negara yang ingin gagah dan berkuasa tidak kira sama ada ia negara Arab atau India, Jerman atau Halian. Seorang pemimpin yang berbakti kepada negara, yang menukar rancangan-rancangan dan strategi-strateginya untuk kepentingan semasa dan mempunyai bakat pimpinan semula-jadi tidak kira dia itu Moonje atau Savarkar, Hitler atau Mussolini. Dan ratusan ribu rakyat yang bersatu dan tunduk kepada ketuanya untuk kepentingan ideal negaranya boleh menaikkan taraf negaranya, tidak kira sama ada mereka percaya kepada ideal Cina atau Jepun.

Di zaman ini, jikalau sebuah negara Islam itu, telah Islam dari segi sejarah atau mempunyai ramai penganut-penganut Islamnya, kalau hendak menguatkannya kita boleh saja menggunakan qa'idah di atas. Orang-orang-Islam bolehlah mengikuti jalan cita-cita kebangsaan yang lazim digunakan di Barat dan keputusannya tentulah akan terbentuk sebuah negara kita sendiri atau sekurang-kurangnya kita mendapat bahagian yang 'adil dalam pemerintahan negara kita. Tetapi qa'idah tersebut bukanlah bercirikan Revolusi Islam atau pembentukan negara Islam tulen tetapi merupakan proses yang bertentangan yang akan membawa kita ke belakang.

Masyarakat yang kita kenali sebagai "masyarakat Islam" masa kini adalah campuran dari berbagai bangsa yang mempunyai kelakuan yang berbeza. Dari kaca-mata kelakuan akhlaqnya, anda akan lihat berbagai jenis kelakuan sama seperti yang anda lihat pada orang-orang bukan Islam. Jumlah orang-orang Islam yang berbohong dalam mahkamah mungkin sama banyak dengan orang-orang yang bukan Islam. Begitu juga orang-orang Islam tidak ketinggalan di dalam rasuah, mencuri, berzina, berbohong dan lain-lain. Semua cara hidup yang digunakan oleh orang-orang bukan Islam telah digunakan oleh orang-orang Islam.

Seorang peguam Islam yang mengetahui bahawa pelanggannya bersalah, tidak mempunyai perasaan takut kepada Allah untuk menolong melepaskannya seperti peguam bukan Islam. Seorang aristokrat Islam bila berjumpa dengan kekayaan atau pegawai Islam dalam satu-satu jabatan akan berlagak seperti orang bukan Islam. Untuk menyatukan unsur-unsur sedemikian ke dalam satu organisasi dan mengajar mereka melalui latihan politik tentang kecerdikan dan kecurangan sang kancil atau latihan ketenteraan supaya berani seperti serigala, mungkin berjaya mendapatkan sebuah kerajaan rimba (Kingdom of the jungle), tetapi saya tidak dapat memikirkan bagaimana mereka akan memperolehi kerajaan Allah dengan cara-cara serupa itu. Siapa akan mengakui ketinggian akhlak mereka? Siapa akan tertarik kepada Islam bila berdamping dengan mereka?

Dengan kepimpinan begitu dapatkah mereka mengulangi perubahan seperti yang tersebut di dalam Al-Qur'an: "Mereka akan masuk Islam beramai-ramai?" Di manakah kepimpinan ruhaniyah mereka akan diterima? Di rantau manakah orang-orang yang tertindas (mustad'afin) akan mengalu-galukan mereka sebagai penyelamat? Tugas memuliakan "Perkataan Allah" memerlukan sekumpulan manusia yang takut kepada Allah dan mengikuti undang-undang Allah tidak kira rugi atau untung dan tidak kira sama ada mereka datang dari masyarakat Islam atau tidak. Dua tiga orang seperti itu lebih baik dari sekumpulan besar seperti yang saya sebutkan tadi. Islam ditegakkan bukan bertujuan untuk menukarkan wang tembaga dengan mohor emas. Sebelum melihat kepada rupa wang itu, Islam cuba



mengkaji kalau-kalau ada emas dibawahnya. Satu dari wang emas itu lebih baik dari timbunan wang emas yang palsu.

Kepimpinan yang dikehendaki Allah untuk keagunganNya adalah jenis yang mengikut prinsip-prinsip Islam, tidak kira apa akan terjadi, walaupun orang-orang Islam akan musnah kerana kelaparan atau mati dibunuh. Kepimpinan yang mementingkan hanya masyarakatnya sahaja dan tidak mengikut prinsip-prinsip Islam yang menjamin keselamatan dunia; kepimpinan yang seperti ini tidak layak untuk menjunjung ideal Islam yang ditetapkan untuk penganutnya. Sistem pendidikan dan latihan yang menganjurkan kepada manusia supaya mengikut peredaran masa tidak dapat berkhidmat kepada agama yang menyuruh manusia melalui jalan yang ditetapkan oleh Allah walaupun dunia berada di berbagai jalan.

Saya pastikan bahawa kalau saudara diberi satu wilayah untuk diperintah secara Islam, saudara tidak akan dapat melaksanakannya walaupun untuk satu hari sahaja. Saudara belum membuat persediaan untuk melatih atau mengajar orang ramai dengan jiwa akhlak dan sikap intelek yang diperlukan untuk mentadbirkan negara Islam seperti dalam polis, tentera, mahkamah, hasil dan memperkuatkan polisi kewangan, pendidikan dan dasar luar. Kursus yang diajar di Universiti-universiti dan maktab-maktab sekarang akan mengeluarkan setiausaha-setiausaha dan menteri-menteri untuk negara bukan Islam. Tetapi tidak akan dapat mengeluarkan walaupun seorang peon di dalam mahkamah Islam atau seorang anggota konstabel di dalam polis Islam. Kelemahan ini bukan saja terdapat di dalam sistem pendidikan masa kini. Sistem pendidikan lama yang tidak mempercayai peredaran bumi pun tidak berguna dalam kaca-mata ini dan tidak dapat menyumbangkan kepada negara Islam walaupun seorang qadi, menteri kewangan atau pengarah pelajaran. Dengan persiapan yang lemah, penciptaan sebuah negara Islam akan tinggal impian sahaja. Mereka-mereka yang bercakap dalam nada ini terlalu buta dalam konsep negara Islam yang sebenarnya.

Ada orang yang berpendapat bahawa bila saja terbentuk sebuah negara orang-orang Islam, walaupun tidak bercorak Islam, ianya akan dapat ditukar "beransur-ansur" kepada negara Islam melalui pendidikan, latihan dan reformasi akhlak. Tetapi mengikut sejarah, politik dan sosiologi perkara ini tidak pernah berlaku. Jika rancangan itu berjaya, saya akan anggapkan sebagai miracle. Seperti yang saya telah terangkan, bentuk organisasi sesebuah negara mempunyai akar dalam kehidupan sosial. Selagi tidak ada perubahan dalam unsur sosial, selama itulah perubahan yang kekal secara artificial tidak akan berlaku di dalam mana-mana sistem pemerintahan.

Seorang Khalifah yang berkuasa seperti 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz yang dibantu oleh orang-orang yang dilatih oleh sahabat-sahabat Rasilullah (s.a.w.) gagal untuk membuat reformasi ke atas pemerintahan Umayyah kerana masyarakat tidak bersedia untuk direformasikan. Orang-orang yang berkebolehan seperti Mubammad Tughluq dan Aurangzeb 'Alamgir tidak dapat menukar sistem pemerintahan. Bahkan Khalifah Makmur al-Rashid yang maukan sedikit perubahan dalam kerajaan Abbasiyah telah gagal. Ini berlaku di masa kekuasaan dan kekuatan orang-orang perseorangan dapat menjadi satu ideal.

Saya tidak dapat memahami bagaimana sesebuah negara yang diasaskan atas dasar demokrasi boleh melalui proses dasar transformasi begitu. Di dalam nagara demokrasi, kekuasaan dipegang oleh orang yang dipilih oleh pengundi. Jika pengundi-pengundi tidak memiliki mentaliti Islam yang sebenar dan sikap akhlak yang dipelupuri Islam, jika mereka tidak dapat menerima taraf kejujuran dan kesucian akhlak secara Islam, dan jika mereka tidak dapat menerima keadilan dan prinsip-prinsip perjalanan negara Islam, pengundi-pengundi tidak akan dapat mengundi orang-orang Islam yang sebenarnya ke parlimen atau dewan negeri.

Dalam keadaan ini, kekuasaan akan jatuh ke tangan orang-orang yang "mengaku" dirinya Islam tetapi idea-idea dan tingkah lakunya tidak bercorak Islam. Jika kekuasaan berada di dalam tangan orang-orang seperti ini, samalah seperti kita berada di bawah kekuasaan orang-orang yang bukan Islam. Kita mungkin berada di dalam keadaan yang lebih buruk dari itu, kerana negara yang berlebelkan Islam akan lebih berani lagi dari negara-negara bukan Islam di dalam melakukan penekanan ke atas Revolusi Islam. Negara Islam palsu itu akan menghukum bunuh pejuang-pejuang pada hal negara Revolusi Islam yang tulin akan memenjarakan sahaja bagi kesalahan yang serupa.

Seperti biasa juga, pemimpin-pemimpin negara sekular akan didewa-dewakan semasa hidup dan menjadi keramat selepas mati, sebab mereka kebetulan dilahirkan dalam Islam. Jadi amatlah salah jika kita fikirkan negara serupa ini akan dapat menolong melahirkan Revolusi Islam. Soalnya sekarang ialah kita mesti mengubah (revolutionise) corak kehidupan masyarakat walaupun di dalam sebuah negara Islam dan walaupun tanpa pertolongan negara itu, mungkin kita terpaksa menempuh halangan yang kuat dari negara Islam (sekular) itu. Mengapakah kita mesti menunggu sampai ada penentangan baru hendak memulakan Revolusi Islam? Mengapakah kita mesti menghabiskan masa dengan negara Islam sekular itu dan rugi tenaga kita untuk membangunkannya? Kita tahu bukan saja tidak berguna kepada kita tetapi akan menghalang perjalanan kita.

### **TEKNIK PERGERAKAN ISLAM**

Saudara-saudara,

Sekarang saya akan terangkan secara ringkas sejarah bagaimana dasar masyarakat boleh diubah dan dibina semula untuk mengujudkan Revolusi Islam dan teknik yang khusus untuk digunakan supaya mendapat kejayaan.

Sebenarnya Islam adalah satu pergerakan untuk membina struktur masyarakat manusia di atas konsep kedaulatan Ketuhanan. Pergerakan ini mengikuti corak yang sedia ada dalam sejarah. Pemimpin-pemimpin mereka terdiri dari Orang-orang yang dipanggil Rasalullah (s.a.w.). Jika kita mahu memulakan pergerakan ini, kita terpaksa mengikuti qa'idah dan 'amali yang sama yang diikuti oleh pemimpin-pemimpin itu kerana tidak ada teknik yang lain yang lebih sesuai untuk pergerakan serupa ini. Tetapi kita akan menghadapi kesukaran yang amat besar apabila kita meniru jalan Rasulullah (s.a.w.). Kita cuma dapat sedikit sahaja pengetahuan tentang kerja-kerja dan qa'idah Rasul-Rasul yang terdahulu. Walaupun Al-Quran mengandungi kiasan kerja-kerja mereka tetapi ianya tidak memberi gambaran sepenuhnya. Kita juga mendapat tahu sebahagian kata-kata Nabi 'Isa ('a.s.) dalam kitab Injil, walaupun kurang pengesahan tetapi dapat juga memberi cahaya bagaimana pergerakan Islam dapat dilaksanakan pada peringkat permulaan dan apakah masalah yang pasti dihadapi. Tetapi Nabi 'Isa ('a.s.) sendiri tidak melalui peringkat akhir pergerakan itu, jadi kita tidak boleh mendapat apa-apa bimbingan darinya tentang peringkat akhir dan terakhir pergerakan Islam.

Dalam hal ini kita cuma boleh dapat bimbingan yang sempurna dan jelas dari Nabi Mubammad (s.a.w.). Kita mengambil bimbingannya bukan kerana pengaruh sentimental tetapi kerana tidak kedapatan punca yang lain untuk mendapat pengetahuan tentang setiap peringkat yang dilalui oleh pergerakan Islam. Di dalam sejarah pemimpin-pemimpin pergerakan Islam cuma Nabi Muhammad (s.a.w.) saja yang menggambarkan secara terperinci setiap peringkat dan aspek pergerakan Islam dari awal sebagai Rasul hingga ke akhir sebagai perangka dasar-luar dengan perlembagaan tetap satu polisi luar dan dalam yang jelas dan organisasi sosial yang teliti. Dari sekarang saya akan terangkan teknik pergerakan ini.

Saudara telahpun maklum apabila Nabi kita Muhammad (s.a.w.) diperintahkan menyampaikan seruan Islam, terdapat problem-problem akhlak, kebudayaan, ekonomi dan politik yang mesti diselesaikan. Terdapat juga dua kuasa besar imperialis yang sentiasa berperang -- Romawi dan Farsi. Masyarakat 'Arabnya dan negara sekitarnya mengambil sistem klas dan selalu berperang. Eksploitasi ekonomi dan keruntuhan akhlak berada di kemuncaknya. Dalam negara Baginda telah sedia ada

masalah-masalah rumit yang mesti diselesaikan oleh seorang pemimpin. Seluruh negara diseliputi oleh buta-huruf, keruntuhan akhlak, kacau-bilau ekonomi dan permusuhan yang merbahaya.

Kawasan-kawasan disepanjang pinggir pantai 'Arabia, Yaman dan 'Iraq di bawah kekuasaan imperialis Farsi -- Majusi, penyembah api. Di Utara kekuasaan Romawi -- Kristian telah sampai ke sempadan Wilayah Hijaz. Di Hijaz juga kaum Kapitalis Yahudi telah menubuhkan pusat-pusat perniagaan yang besar dan telah menjerat orang-orang 'Arab dengan perjanjian perdagangan secara riba'. Di sebelah Barat terdapat kerajaan Kristian Abyssinia yang telah melanggar Makkah beberapa tahun terdahulu. Di Najran di antara Hijaz dengan Yaman terdapat satu golongan orang-orang Kristian yang mendapat bantuan dari kerajaan Kristian dan mempunyai hubungan ekonomi dan politik dengannya.

Sungguhpun terdapat berbagai masalah tetapi Rasulullah (s.a.w.) tidak hairan dengan masalah dunia luar dan yang bersangkutan dengan bangsanya. Dia hanya menyeru bangsanya meninggalkan tuhan-tuhan lain kecuali Allah dan hanya menurut perintah Allah sahaja. Ini kerana bukan Rasul Islam menganggap problem-problem itu tidak mustahak atau tidak patut mendapat perhatian yang serious. Anda telah sedia maklum bahawa dia telah memberi perhatian dan menyelesaikan problem-problem itu satu persatu. Sebab kenapa dan mengapa dia mengalih pandangan dari persoalan-persoalan penting semasa dan memusatkan kepada seruan tunduk kepada Allah ialah (dari tasawwur pergerakan Islam) kerana semua kejahatan dalam masyarakat manusia timbul dari keangkuhan manusia yang menganggap diri mereka bebas dan tidak bertanggungjawab dalam lain perkataan mereka mengaku sebagai "tuhan" atau mempercayai tuhan selain dari Allah sebagai pembimbing dan pemberi undang-undang, sama ada benda itu manusia atau makhluk lain.

Selagi gejala syaitan itu masih berakar, selama itulah teori Islam tidak akan berjaya menghapuskan penyakit sosial itu. Kecuali kesalahan konsep yang asas ini diperbetulkan dan manusia sedar kewajibannya kepada Pencipta. Penekanan ke atas kejahatan di suatu tempat akan timbul di tempat lain di dalam bentuk lain. Jadi untuk mereformasikan dan membersihkan jiwa masyarakat manusia dari kejahatan, jiwa manusia mesti dibersihkan dari idea kebebasan dan manusia mesti sedar bahawa 'alam yang kita duduki ini ada Penciptanya. Ia diperintah oleh Yang Maha Kuasa, kedaulatanNya tidak menurut kehendak nafsu manusia atau dipadamkan oleh kekuasaan manusia, juga tidak dapat keluar dari dunia ini dan mencari perlindungan di tempat lain. Memandangkan kepada faktor dan hakikat ini, anggapan manusia sebagai makhluk bebas, bebas mengikut kehendak dan ta'qulannya, adalah satu andaian yang jahil yang tidak dibantu oleh fakta-fakta dan akibatnya akan menimpa hidung orang itu sendiri. Tetapi adalah suatu hakikat dan kearifan menyuruh manusia menyembah Allah tanpa ada sebarang syarat, dan mengaku dirinya sebagai hamba kepada Pencipta -- yang menjadi Tuan, Pemandu dan Pemberi undang-undang.

Amat wajar difahamkan kepada manusia bahawa di seluruh alam ini cuma terdapat satu kedaulatan, Tuan dan Pemerintah. Tidak seorang pun yang berhak memberi perintah sendiri atau ada perintah rasmi dari orang lain. Dengan itu, seorang itu tidak boleh menyetujui untuk menjadi alat kehendak orang lain selain dari Kehendak Allah. Tidak seorang pun di dunia ini layak dipanggil yang Teragung sebab semua Keagungan berada pada Allah. Tidak seorang pun yang boleh dipanggil Yang Suci kerana kesemua Kesucian berada padaNya. Tidak seorang boleh dipanggil Yang Mulia sebab Kemuliaan adalah hak Allah sahaja. Tidak ada yang layak dipanggil Yang Maha Kuasa Kerana semua Kekuasaan kepunyaan Allah. Tidak ada penggumbal undang-undang di sini atau pemberi undang-undang selain Allah. Tidak ada seorang pun yang boleh mendakwa mengawal dan mengatur hal manusia, mentadbir keadilan sendiri, memakbulkan doa dan menolong semasa kesusahan kecuali Allah, yang mempunyai kunci kekuasaan dan tidak ada orang lain yang boleh mendakwa mempunyai keta'atan mutlak dan tanpa syarat dari manusia.

Semua manusia adalah hamba. Jadi kita mesti jangan ta'at kepada pemerintah yang tidak ta'at kepada Allah dan jangan berkerjasama dengan orang atau orang-orang yang bertindak bebas dari Kehendak dan Tujuan Allah. Ini adalah batu hampar bagi segala reformasi. Atas dasar ini sahaja keseluruhan struktur kelakuan perseorangan dan organisasi masyarakat boleh dirancang semula selepas meroboh struktur lama, dan semua problem manusia yang timbul akan dapat diselesaikan di masa depan dengan cara baru.

Nabi Mubammad (s.a.w.) secara langsung menyampaikan konsep fundamental kepada umatnya tanpa apa-apa persediaan awal atau tindakan permulaan. Dia tidak menggunakan cara tidak langsung di dalam penyampaian ajarannya. Misalnya, dia berasa tidak perlu membina asas melalui cubaan mendapat sanjungan dan kasih sayang umatnya melalui pekerjaan-pekerjaan sosial dan kemanusiaan. Tidak juga dia mencari kekuasaan politik melalui jalan belakang kekuasaan pemerintah. Dia tidak pernah membeli undi. Apa yang kita lihat ialah ada seorang yang tampil ke hadapan dan secara langsung memberitahu, "Tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa". Dia tidak pusatkan pandangannya pada benda-benda lain. Adalah salah memutuskan cuma keberanian Rasul atau semangat da'wah bertanggungjawab ke atas nada pengajaran yang langsung dan terus-terang.

Telah menjadi keliyatan bahawa teknik ini perlu bagi pergerakan Islam . Pengaruh dan Martabat Islam yang didapati dengan jalan lain tidak berguna kepada reformasi moral yang dipelupuri Islam. Orang yang berkerjasama dengan anda selain dari asas "Tidak ada Tuhan lain melainkan Allah" tidak dapat menolong anda dalam pembinaan semula masyarakat mengikut garisan (tuntutan) Islam. Dalam pekerjaan penting ini cuma orang-orang yang menyahut bila mendengar "Tidak ada Tuhan melainkan Allah" (لا إله إلا الله) sahaja yang berguna dan mereka ini tertarik sepenuhnya kepada kebenaran ini dan mereka berazam membina asas hidup mereka dan menyediakan diri untuk berkerja pada dasar ini. Sebab itu, kebijaksanaan dan faham amalan praktik yang perlu bagi menguruskan pergerakan Islam memerlukan permulaan kepercayaan keEsaan Allah.

Konsep keEsaan Allaah bukan sekadar kepercayaan agama. Seperti yang saya terangkan, keseluruhan sistem kehidupan sosial yang diasaskan atas konsep manusia itu bebas atau kedaulatan terletak kepada makhluk lain terbungkus dari asasnya dan satu struktur baharu muncul atas dasar berbeza dari kepercayaan keEsaan dan kedaulatan Allah. Hari ini seluruh dunia mendengar Bilal-Bilal melaungkan, "Aku mengaku tidak ada tuhan lain yang disembah melainkan Allah" (أشهد أن لا إله إلا الله) dan tidak ada orang yang mengetahuinya kerana kedua-dua orang yang memanggil dan yang dipanggil tidak tahu makna dan tujuan sebenar di dalamnya. Tetapi adakah pernyataan itu dimaksudkan untuk makna (Juru azan sangat sedar dengan makna ini) -- bahawa seseorang tidak boleh mengakui kedaulatan, pemerintahan, tunduk kepada undang-undang, menerima keadilan dari mahkamah, menjalankan suruhan orang lain atau mengikat diri kepada upacara atau adat, menerima keistimewaan, kedaulatan, kesucian dan kekuasaan oraag lain selain dari Allah, dan mengistiharkan dirinya sebagai pemberontak kepada pemerintahan tanpa Tuhan? Anda sudah maklum bahawa pengistiharan ini tidak boleh ditolak walaupun buat satu ketika. Sama ada anda berhajat hendak berseteru dengan orang atau tidak tetapi seluruh dunia akan berseteru dengan anda. Selepas saja anda melaungkan seruan ini anda akan berasa seluruh dunia dan langit berpaling menjadi seteru dan anda dikelilingi dengan unsur-unsur permusuhan.

Keadaan ini telah berlaku kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) apabila dia melaungkan seruan itu. Juru cakap ini telah melaungkan seruan -- (لا إله إلا الله) dengan penuh kesedaran dan pendengar sekalian faham apa yang dimaksudkan. Oleh itu orang yang ada kaitan dalam berbagai aspek seruan itu telah bangun untuk menekannya. Padri telah bau bahaya seruan ini ke atas kekuasaan padri besar. Orang-orang kaya melihat seruan itu sebagai penghalang kepada timbunan harta dan hidup mewah. Kaum kapitalis sedar bahaya itu kepada cengkaman ekonominya. Penyembah ras dan kaum merasai cabaran kepada kuasa perpaduan yang baharu ini yang akan menghancurkan perpaduan tiran yang diasaskan

di atas idea kebangsaan. Dan penyembah keturunan bangun dengan berang melihat air hujan yang akan membasuhi cara hidup berketurunan.

Pendeknya setiap orang yang mempunyai cara penyembahannya merasai kedudukan mereka terancam dan dengan gopoh mereka bersatu, walaupun fahaman mereka sangat-sangat berbeza, untuk menentang gejala yang menjadi ancaman kepada kehidupan tradisi mereka. Dalam keadaan ini cuma orang-orang yang terang jiwa, berkebolehan memaharni dan menerima keadilan serta sedar bahawa panggilan adalah panggilan kebenaran dan bersedia menghadapi maut, kerana keadilan sahalah yang datang bersatu dengan Nabi Mubammad (s.a.w.) Pergerakan itu berkehendakkan orang-orang serupa ini. Mereka datang seorang, berduaan atau berempat. Jumlahnya bertambah bila perjuangan berkembang. Setengah daripada mereka hilang pekerjaan. Setengahnya dihambat keluar rumah oleh sahabat, saudara dan kerabat. Ramai yang kena heret di atas pasir yang panas dan yang lain dilempar dengan batu di pasar. Ada yang dibuang mata dan ada pula yang pecah kepala. Langkah juga diambil untuk membeli mereka itu dengan perempuan, kekayaan, jawatan, kekuasaan dan apa sahaja. Semua ini berlaku, kalau tidak pergerakan Islam tidak akan kuat dan meluas.

Kebaikan pertama ialah orang-orang lemah peribadi dan was-was tidak boleh menganggotai barisan ini. Orang-orang yang datang adalah pati masyarakat yang sangat-sangat diperlukan. Tidak ada qaidah penilaian yang lebih berkesan dari cara ini. Sesiapa sahaja yang datang menganggotai pergerakan ini akan melalui cubaan ini. Orang yang tidak layak secara automatik dikeluarkan.

Selain dari itu, mereka yang datang ini menghadapi kesusahan bukan kerana tamak, kebajikan famili, kaum atau negara tetapi untuk apa yang difikirkan sebagai kebenaran sejati dan mendapat rahmat dari Allah. Kerana ini sahaja mereka dipukul, dibiarkan mati kelaparan dan menjadi mangsa penindasan berat sebelah. Sebagai hasilnya mereka telah mengembangkan semangat Islam sebenar yang diperlukan. Perjuangan itu membulatkan kelakuan mereka dan menambahkan kejujuran mereka kepada kepercayaan dan tindakan mereka.

Sudah menjadi kebiasaan bahawa proses latihan secara automatik ini menyerapkan mereka dengan semangat Islam yang sejati. Bila seseorang datang dengan keunggulan (ideal) yang tinggi dan melalui penderitaan penyeksaan, pemulauan, kemelaratan dan kesusahan kerananya, semangat keunggulan itu akan memenuhi hati dan jiwanya dan seluruh orang perseorangan itu bertukar kepada menyukai keunggulan dan tujuan itu. Untuk menyempurna dan mempercepatkan perubahan, sembahyang diwajibkan ke atas pergerakan baru untuk memusatkan jiwa mereka kepada satu tujuan - satu-satunya objek di dalam hidup mereka. Dengan mengulangi pengakuan kedaulatan Allah yang mereka anggap sebagai Berdaulat, akan bertambah keyakinan mereka kepada kebijaksanaan Allah dalam penguasaan Hari Akhirat dan kelebihanNya dari makhluk, kerana mereka terpaksa bekerja di bawah arahanNya. Idea keta'atan kepada Allah adalah mustahak untuk mengelakkan pengaruh luar.

Di satu pihak, ahli-ahli pergerakan Islam sedang menjalani proses latihan, di satu pihak yang lain perjuangan itu sendiri memberi dorongan kepada pergerakan itu. Apabila orang ramai melihat dengan mata sendiri bahawa nuraka ditutup kepada pengikut-pengikut Muhammad (s.a.w.) dan mereka dipukul, dipenjarakan dan dihalau keluar dari rumah, mereka tertarik untuk mengetahui perkara itu dengan lebih mendalam lagi. Dan apabila mereka mengetahui bahawa mereka ini diseksa bukan kerana perempuan, kekayaan atau harta, tetapi kerana memiliki satu "kebenaran baru" yang mereka pegang teguh dengan jujur dan hidup mereka tidak ada motif tamak, orang ramai dengan sendiri mencari apa yang dimiliki mereka yang dengan senang hati menghadapi segala kesusahan dan kecelakaan.

Dan bila orang ramai dapat tahu insan-insan itu cuma mempercayai kepada keEsaan Allah, bahawa kepercayaan itu telah pun membuat satu revolusi yang agong kepada hidup mereka sehingga mereka

sanggup membuang segala kesenangan masyarakat dan dengan suka hati membuang semua prospek kejayaan di dunia kerana kebenaran dan kejujuran. Di dalam hal ini mereka sedia mengorbankan nyawa mereka, harta benda dan keluarga mereka. Satu cahaya baru menerangi segala kekeliruan dan salah faham. Di dalam latar belakang kesengsaraan orang-orang yang benar, yang melihatnya pun tertarik kepada pangakuan kebenaran. Inilah sebabnya orang-orang yang tidak dikelabui perasangka keagamaan dan kepentingan diri telah tertarik kepada pergerakan ini. Segolongannya terus sahaja tertarik dan tergolong lagi menunggu beberapa ketika. Tetapi lambat-laun orang-orang yang cintakan kebenaran memasuki pergerakan itu.

Sementara itu ketua pergerakan Islam itu, telah menunjukkan prinsip pergerakan itu dan tujuannya. Setiap kelakuan, kata-kata dan gerakan pemimpinya bernafaskan semangat keIslaman yang sebenarnya dan memperlihatkan implikasi sepenuhnya dalam kehidupan hari-hari. Persoalan ini berkehendakkan perbincangan yang detail yang tidak dapat dilakukan di sini kerana kekurangan ruang tetapi saya akan sebut beberapa hal penting. Isterinya Siti Khadijah (r.h.a.) adalah seorang wanita fang terkaya di Hijaz dan Rasulullah (s.a.w.) berniaga dengan modalnya. Apabila Rasulullah (s.a.w.) mulai aktif dalam da'wah Islam, pemiagaannya pun tergendala dan apabila dia giat mengajar, pemiagaannya terhenti sama sekali dan terus bengkerap. Apa yang ada pada mereka habis dilaburkan ke dalam jentera penda'wahan kepercayaan baharu itu. Sehingga sampai ke detik baginda tidak ada wang hendak membeli Kaldai untuk membawanya ke tempat tujuan di Taif di mana pada suatu masa dahulu baginda adalah raja dalam pemiagaan.

Orang-orang Quraisy mempelawanya takhta Kerajaan Hijaz dan mereka akan terima beliau sebagai raja mereka. Mereka menawarkannya seorang wanita yang paling cantik di'Arabia sebagai isteri dan segala kekayaan dengan syarat dia berhenti dari da'wahnya. Tetapi orang yang bangun untuk menyelamatkan manusia menolak semua pelawaan itu dan tinggal di dalam kekasaran, kecaman dan kekejaman bangsanya. Pemimpin-pemimpin Quraisy dan 'Arab berkata "Ya Muhammad! bagaimana kami' hendak duduk bersama-sama anda dan mendengar anda bercakap pada hal setiap masa anda berada bersama hamba, orang-orang miskin dan melarat? Anda mengumpul ke sekeliling anda orang-orang yang kami anggap sebagai klas bawahan dalam masyarakat kami. Singkirkan mereka dan kami akan masuk kumpulan anda." Tetapi orang yang muncul untuk menyamakan yang kaya dengan miskin, yang tinggi dengan rendah, menolak penyingkiran yang miskin untuk kepentingan yang kaya.

Di dalam masa perjuangannya Rasulullah (s.a.w.) tidak pernah mementingkan negara, bangsa dan familinya. Hal inilah yang meyakinkan dunia bahawa Rasulullah (s.a.w.) sedang bekerja untuk kebajikan manusia sejagat tidak kira bangsa atau ras dan hal ini juga yang menarik manusia kepada pergerakannya. Jika baginda mementingkan kaum familinya, orang-orang bukan dari Bani Hashim tidak ada tempat langsung di dalam pergerakannya. Jika baginda ingin mengekalkan kekuasaan orang Quraisy, orang-orang bukan Quraisy tidak ada galakan mengambil peluang dalam pekerjaannya. Jika baginda mengutamakan bangsa'Arab, tidak ada sebab Bilal dari Abyssinia, Suhaib dari Itali dan Salman dari Farsi menyokong da'wahnya.. Apakah hakikatnya yang menarik setiap orang ialah ketuhanan yang suci dan tulin. Tidak ada kepentingan diri langsung padanya dan bebas dari motif persendirian, famili, kaum dan kebangsaan.

Apabila baginda terpaksa meninggalkan Makkah, semua wang dan harta yang disimpankan kepadanya oleh musuh diamanahkan supaya dikembalikan kepada empunya. Kalau orang lain tentu mempunyai berbagai motif untuk melarikan apa-apa harta yang di dapatinya. Tetapi hamba Allah ini memulangkan semua harta-harta itu di sa'at musuh-musuh yang dahagakan darahnya membuat keputusan untuk membunuhnya. Tindakan Rasulullah (s.a.w.) sangat menakjubkan penduduk-penduduk Makkah, dan saya pasti bahawa dua tahun kemudian semasa peperangan Badar mereka masih merasai yang mereka sedang berperang dengan orang yang tidak pernah menganiaya mereka walaupun mereka merancang membunuhnya dan sebenarnya, telah tekad untuk melakukannya.

Apabila mereka mengangkat pedang untuk menentanginya kerana degil dan marah membabi-butakan, mereka tentulah merasai keinsafan di dalam hati masing-masing. Ini mungkin salah satu sebab moral yang membawa kepada kekalahan orang-orang Musyrikin di dalam peperangan badar.

Setelah tiga-belas tahun di dalam peperangan yang pahit, tibalah masanya untuk membentuk sebuah negara kecil Islam di Madinah. Pada ketika itu terdapat 400 orang pekerja-pekerja Islam yang telah dapat latihan penuh dalam Islam dan berkemampuan menjalankan apa-apa tugas sebagai seorang Islam. Orang-orang ini telah sedia menjalankan tugas di dalam negara Islam yang baharu dibentuk. Sepuluh tahun Rasulullah (s.a.w.) membimbing sendiri hal ehwal negara itu dan dalam masa yang pendek ini telah melatih hingga sempurna ribuan manusia untuk menyelenggarakan setiap jabatan kerajaan secara Islam dan sepenuh masa.

Ketika inilah ideologi Islam berubah dari idea menjadi satu sistem sosio-politik yang sempurna dan setiap aspek pentadbiran, pendidikan, pengadilan, ekonomi, kebudayaan, kewangan, ketenteraan dan polisi antarabangsa Islam telah menjadi terang dan nyata. Semua prinsip hidup dikemuka dan dipraktikkan dalam kehidupan hari-hari pekerja-pekerja (Islam dalam semua bidang disediakan melalui pendidikan, latihan dan pengalaman praktik dan mereka ini telah memberikan contoh yang baik kepada kerajaan Islam hingga dalam masa sepuluh tahun sahaja negara kecil Islam di Madinah telah berkembang hingga meliputi seluruh 'Arabia. Orang-orang yang melihat Islam dipraktikkan dan menyaksikan keputusan yang konkrit telah yakin bahawa inilah kemuncak kemanusiaan dan di dalam masyarakat demikian sahajalah keselamatan sebenar manusia akan terjamin. Musuh ketat yang bertahun-tahun berperang telah menerima kebenaran. Khalid Ibnu Al-Walid menerimanya; Ikramah Ibnu Abu Jahal tunduk kepadanya dan begitu juga Abu Sufyan (pembunuh Sayyidina Hamzah Ibnu 'Abdul Motalib) memeluk Islam; dan juga Hindun yang memakan hati bapa saudara Baginda, berjalan ke khemah Rasulullah, (s.a.w) orang yang paling di bencinya. Ahli-ahli sejarah telah memberikan lebih penekanan kepada peperangan agama Rasulullah (s.a.w.) hingga ramai orang yang terkeliru dan percaya bahawa Revolusi Islam di 'Arabia dijalankan secara kekerasan dan tumpah darah. Tetapi hanya di antara seribu ke seribu, dua ratus sahaja yang terbunuh di kedua-belah pihak di dalam peperangan selama lima tahun hingga tertaklaknya seluruh negara 'Arab. Jika dibandingkan dengan revolusi-revolusi yang telah berlaku kemudian kita dapat mengatakan Revolusi Islam adalah satu revolusi tanpa penumpahan darah (bloodless revolution). Dan Revolusi Islam ini bukan sahaja menukar pentadbiran negara tetapi telah menukar mental dan pandangan moral manusia. Seluruh aspek kehidupan di dunia 'Arab mengalami perubahan. Ia bukan sahaja satu reformasi politik dan sosial. Seluruh asas kebendaan dan akhlaq telah menjalani Revolusi.

Bekas-bekas pezina telah berubah menjadi pembela kehormatan kaum wanita. Manakala kaum pemabuk menjadi ketua pergerakan pengharaman pula. Orang-orang yang hidup mencuri dan sebagai petualang telah menjadi terlalu jujur sehingga mereka enggan menerima makanan dari kawan-kawan kerana terasa sebagai mengambil harta orang lain; hingga Allah sendiri menjamin di dalam Qur'an mengatakan tidak salah menerima makanan-makanan itu. Orang-orang yang hidup menyamun menjadi terlalu 'alim hingga seorang askar dari kalangan mereka telah menyelimuti mahkota Raja Farsi yang mahal itu dengan kain dan diserahkan kepada panglimanya di waktu malam semasa penaklukan Ibu Kota Farsi. Ini dilakukan kerana takut keujurannya dicemari oleh hipokrit.

Orang yang tidak mempunyai hormat kepada nyawa manusia dan telah biasa menanam anak perempuan mereka hidup-hidup telah menghormati kesucian sehingga mereka tidak boleh melihat orang menyembelih ayam dengan kasar.

Orang yang tidak pernah tahu apakah kebenaran dan keadilan telah menjadi terlalu jujur. Ini ternyata di perjanjian Khaibar apabila seorang pemungut cukai menolak rasuah dari seorang Yahudi. Dia mengambil harta itu lalu dibahagi dua dan disuruhnya orang Yahudi itu memilih bahagiannya dan

tinggalkan bahagian kerajaan. Orang Yahudi itu sangat kagum dengan kelakuan pelek pemungut cukai dan berseru dengan sukarela, "Inilah kebenaran yang menjadi asas bumi dan langit."

Di antara mereka muncul gabenor-gabenor yang tinggal di rumah sendiri, bejalan kaki; tidak ada pengawal di rumah dan boleh ditemui setiap masa. Di antara mereka terdapat seorang Hakim yang menolak rayuan khalifah kerana khalifah tidak dapat mengemukakan seorang saksi lain kecuali anaknya dan seorang hamba. Di antara mereka terdapat seorang general yang memulangkan jizyah orang-orang kafir. Dia tidak berhak mengambilnya sebab askar-askar Islam telah terpaksa berundur. Di antara mereka lahir seorang duta yang pernah memberi tunjuk cara di istana Farsi tentang prinsip kesamaan dalam Islam dan mengkritik sistem Mas di Farsi. Cuma Allah sahaja yang tahu berapa ramaikah askar-askar Farsi yang kagum dengan agama kemanusiaan ini.

Ada rakyat yang datang menyerah diri kerana berbuat salah dan minta dihukum di dunia ini kerana mereka tidak ingin berdepan dengan Allah kerana kesalahan mencuri atau berzina di hari Akhirat. Terdapat askar-askar yang berperang bukan kerana upah tetapi kerana kepercayaan yang dianuti. Mereka pergi ke medan perang dengan perbelanjaan sendiri dan semua barang rampasan diserahkan kepada general mereka. Dapatkah tranformasi akhlaq dan sikap begitu sempurna dilakukan cuma melalui peperangan atau paksa? Bahan-bahan sejarah berada di depan saudara. Dapatkah saudara memberi misalan di mana pedang telah berhasil menukar keseluruhan akhlaq manusia?

Kelihatan sangat mengkagumkan; di dalam masa tiga belas tahun pertama cuma tiga ratus orang saja memeluk Islam tetapi sepuluh tahun kemudian seluruh 'Arabia telah menganut agama Islam. Orang yang tidak dapat menyelesaikan masalah sulit ini memberi berbagai sebab yang pelek-pelek. Tetapi perkara ini terlalu nyata. Selagi hidup tidak dirancang mengikut ideologi baharu ini selama itulah mereka tidak akan faham apa yang hendak dilakukan oleh pemimpin agung jenis ini. Bermacam-macam kekeliruan muncul di jiwa mereka. Setengah mengatakan dia sudah hilang 'aqa. Ada yang mengatakan dia menerima wahyu dan begitulah komen mereka di atas perkara itu. Cuma manusia yang 'arif dan dapat melihat dengan nyata kesejahteraan manusia sahaja mempercayai Mubammad (s.a.w.). Tetapi apabila satu sistem yang syumul dibina, dari ideologi ini dan manusia selidiri mengalaminya; apabila mereka melihat sendiri kejayaan yang konkrit, fahamlah mereka apa yang menyebabkan hamba Allah ini menghadapi bahaya dan kesusahan. Lepas ini tidak ada ruang lagi untuk was-was, degil dan prasangka. Mereka yang dapat melihat dan waras tidak dapat menolak hakikat yang benar ini.

Saudara-saudara,

Inilah qai'idah yang dituntut oleh Islam untuk mengadakan revolusi sosial. Inilah cara menjalankannya. Ia bermula dengan seruan kepada Allah dan menjemput manusia meninggalkan hidup mementingkan diri sendiri dan pertahankan moral. Lepas itu ia mula bergerak ke depan. Manusia menganggap ini satu miracle (mu'jizat) dan tidak boleh berlaku lagi. Cuma Rasulullah (s.a.w.) saja patut datang dan melakukannya. Dari pengetahuan sejarah kita tahu itu adalah kejadian natural. Kita boleh dapati pertalian yang logik dan saintifik di antara sebab dan musabbab (cause and effect).

Jika kita bertindak demikian, Insha Allah kita akan mendapat keputusan yang sama. Telah menjadi kenyataan dalam tugas ini memerlukan kualiti kepercayaan, fahaman Islam yang sejati, satu tujuan, kuasa pengadilan yang kuat dan pengorbanan kepentingan sendiri dan tamak dengan sepenuhnya. Orang-orang yang kuat tekad dikehendaki di dalam tujuan ini dan apabila menerima kebenaran akan menumpukan sepenuhnya tanpa menghirau perkara-perkara lain. Walau apapun terjadi di atas dunia ini mereka tidak akan berganjak walau seinci pun dari jalan yang digariskan oleh Al-Qur'an. Mereka mesti bersedia mengorbankan segala prospek kejayaan di dunia. Mereka mesti tidak ragu-ragu lagi untuk memeranatkan harapan ibubapa dan kawan-kawan. Mereka tidak boleh berasa hiba kerana terpisah dari keluarga dan sahabat handai. Mereka mesti bersedia untuk berjuang menentang apa saja:



masyarakat, kerajaan, undang-undang, negara, negeri, dan lain-lain yang cuba menghalang pencapaian cita-cita mereka. Orang yang menjulang dan memuliakan perkataan ﷻ sahaja yang akan dapat mengulangi kejayaan Revolusi Islam tersebut sekali lagi.

Sekarang saya tamatkan subjek ini dengan kata-kata penutup. Saya telah menjalankan tugas saya dan saya telah memberitahu saudara saudara apa yang ada dalam jiwa saya. Tanggungjawab menukar hati anda bukanlah hak saya.

***Sekian, terima kasih. Wassalam. Allahu-Akbar!***

\*\*\*\*\*

## **PROSES REVOLUSI ISLAM** **(Ringkasan)**

Ramai inginkan Daulah Islam - tapi tak faham apa dan bagaimana lahir.  
Akan jelaskan bagaimana jalan dan manhaj untuk capai DI.

Pencapaian tabii sistem daulah.

Bukan melalui cara buatan barangan - dipindah dan diletak - lahir dari masyarakat melalui sebab akhlak, jiwa, tamaddun, sejarah yang bertindak balas.

Sama spt mantiq dan kimia - awal menentukan akhir - buah mengikut pokok yang ditanam. Jalan pembuatannya juga menentukan natijah.

Perlu dibentuk gerakan yang sesuai dengan DI, membentuk peribadi yang sesuai dan kerja jamaai yang sesuai, sabar - akan mampu ambil tempat sistem yang ada.

Tiada persediaan ini - tak mungkin sampai ke matlamat ini.

Daulah Fikriyyah:

Apa ciri khusus DI ?

Pertama: Tiada terikat dengan unsur bangsa / puak tetapi terbina atas dasar fikrah, prinsip dan matlamat yang jelas.

Banyak negara belum kenali bentuk ini. Biasanya atas keluarga, bangsa dan keturunan.

Kristian & Komunis pernah cuba tapi gagal - masih ada nasionalis.

Muslimin sekular nasionalis juga tidak faham konsep Negara Fikrah dan tidak menggunakan manhaj fikri untuk tegakkan daulah - kumpulkan semua anasir baik dan buruk untuk bentuk negara demokrasi. Tidak malu guna istilah Islam untuk pertahankan perbuatan mereka (umah, jamaah, agama, amir, taat dll).

Nasionalis langsung tak boleh capai daulah fikriyyah - bahkan peruntuh. DF tidak lihat kepada bangsa dan keturunan - lihat kemanusiaan sebagai manusia. Pandang sama kepada siapa terima prinsip dan tolak siapa tak ikut prinsip.

Ciri kedua: Khilafah Ilahiyyah:

Asas binaanya - hakimiyyah lillah. Tiada makhluk boleh menentukan hukum dan keputusan - manusia hanya khalifah.

Siapa terima ini - berhak memimpin. Dengan penuh sedar tujuan khilafah dan amanah.

Orang yang layak pada sistem sekular langsung tak layak dalam DI (pegawai, polis, tentera, hakim..)

Urusan DI perlu dijalankan oleh orang yang dibentuk khusus ikut manhaj khas - takutkan Allah, lebihkan akhirat, memandang berat dosa, tiada taasub....

Hamba syahwat, pengejar manfaat, tidak takut Allah dsb - tidak layak uruskan negara Islam.

JALAN REVOLUSI ISLAM

Daulah lahir mengikut faktor fikrah, akhlak dan masyarakat. Hanya pokok limau membuah buah limau.

DI tidak lahir cara mukjizat - perlu gerakan syamilah terbina atas konsep hidup Islam - orangnya bersedia cernakan Islam dan usaha sebarkannya.

Mereka bergerak - bina kehebatan ilmu - bentangkan Islam kepada masyarakat.

Cabar keburukan sistem pemerintah yang sedia ada - dimehna - keluar lebih bersih dan cekal.

Manusia dengan fitrah baik akan tertarik - menyertai golongan ini - jahiliyyah akan berundur dengan pertolongan Allah.

Semua revolusi bermula dengan gerakan sebar fikhah (Perancis, Komunis, Nazi). Begitu juga revolusi Islam.

ANGAN-ANGAN MANIS.

Penyelesaian bukan dengan kumpulkan orang Islam dalam saf dan bekerja untuk capai DI - sama dengan orang lain (nasionalis).

Kumpulkan baik dan buruk dalam satu saf bukan cara revolusi Islam. Bagaimana orang akan hormat kepada Fikrah Islam jika ahlinya tidak menunjukkan contoh yang baik ?

Dakwah hanya boleh berjaya dengan orang yang layak. Tiada nilai orang fasik yang beribu (eg. Duit palsu yang banyak).

Sistem pendidikan sekular tidak mampu lahirkan orang yang layak untuk DI.

Pendapat - lahirkan daulah nasionalis dulu - kemudian tukar tadriji kepada DI melalui pendidikan → mustahil : Umar Abdul Aziz, Ma'mun, Muhammad Tughluq, Aurangzeb gagal kerana tiada kesediaan masyarakat.

Dalam negara demokrasi - rakyat yang tidak faham akan menolak bila tidak sesuai dengan mereka → sama dengan negara sekular bahkan lebih teruk kerana akan guna agama untuk sekat dakwah dan Islam.

Tiada guna habis masa usaha bina negara nasionalis- tahu tak akan sampai DI.

#### MANHAJ KHUSUS HARAKAH ISLAMIYYAH.

Hakikat Islam - gerakan membina manusia atas hakimiyyah kepada Allah.

Ketua Islam - semua Rasul-rasul.

Cara jalankan gerakan ini - mengikut cara Rasul-rasul.

Tiada yang lengkap kecuali cara Nabi saw.

Cara revolusi Nabi saw:

Ketika kelahiran Nabi, arab hadapi pelbagai masalah:

akhlakiyyah

tamaddun - mundur

ekonomi - riba, penindasan

politik - kekuasaan luar, pecah belah.

Perlukan seorang pemimpin selesaikan masalah.

Tapi Nabi saw datang tak selesaikan/ sentuh masalah ini - hanya ajak beribadah kepada Allah dan jauhi taghut. Bukan perkara itu tak penting - tapi Nabi tahu semuanya mudah selesai bila selesaikan satu perkara.

Masalah manusia lahir kerana rasa tidak dipertanggungjawabkan.

Iman dan aqidah La ilaha illa Allah asas segala kebaikan.

Nabi saw tidak pusing-pusing - direct kepada point.

Inilah manhaj sebenar gerakan Islam - siapa yang tolong Islam bukan kerana asas ini tidak boleh dipegang.

Hari ini - LA ILAHA ILLA ALLAH - diseru tetapi tidak mengerakkan orang - musuh tidak menerkam.

Zaman Nabi saw - musuh menyerbu kerana faham erti dan implikasinya - akan hancurkan kekuasaan dan berhalwa mereka.

Dakwah akan disambut oleh orang yang bersih fitrah dan nampak kebenaran walaupun terpaksa hadapi risiko - Islam perlu orang begini di sepanjang zaman.

Bila bilangan bertambah, mehnah berlaku (